

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KONVOKESYEN INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KALI KE-11 TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen Institut Pendidikan Guru (IPG) KPM Kali ke-11 Tahun 2022 akan diadakan secara bersemuka pada 27 hingga 31 Mac 2022. Istiadat konvokesyen ini melibatkan semua graduan IPG bagi tahun 2020 dan 2021 seramai 8,799 orang graduan.

Istiadat Konvokesyen IPG KPM secara bersemuka akan dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Perincian lanjut mengenai konvokesyen tersebut akan dimaklumkan kepada semua graduan terlibat dalam tempoh terdekat.

Dalam masa yang sama, Konvokesyen IPG KPM Secara Dalam Talian Tahun 2021 yang dijadualkan pada 20 hingga 22 Disember 2021 juga akan diteruskan mengikut perancangan memandangkan semua persiapan bagi majlis tersebut telah dibuat. Konvokesyen tersebut akan disiarkan melalui pelantar Youtube Rasmi Institut Pendidikan Guru

Malaysia (IPGM) dan Facebook Konvo IPG. Graduan yang telah mendaftar bagi konvokesyen secara dalam talian ini juga boleh mengikuti konvokesyen secara bersemuka pada bulan Mac 2022.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**12 DISEMBER 2021**